

- 1) **Syarat-syarat Permohonan** :
 - i. Dikemukakan dalam tempoh **60 hari sebelum** lesen tamat.
 - ii. Menjelaskan kompaun mengikut AIP 1992 (jika ada).
 - iii. **Sekurang-kurangnya 10 *kelulusan permohonan peserta MM2H** dengan mengemukakan Surat Kelulusan Bersyarat daripada Jabatan Imigresen Malaysia (Sabah & Sarawak sahaja). (*kelulusan adalah berdasarkan kepada **pemohon utama (principal) dan tidak termasuk tanggungan (dependents)**)
 - iv. Sekurang-kurangnya **seorang** wakil dari syarikat **diwajibkan hadir *kursus Travel & Tours Enhancement Course (TTEC)** yang dianjurkan oleh Institut Latihan Pelancongan yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan Malaysia. (*kehadiran ke seminar/kursus berkaitan Program MM2H yang dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia/MM2H Agents Association adalah diwajibkan dan boleh dikira sebagai memenuhi syarat. Kehadiran ke TTEC akan diambil kira sekiranya tidak hadir ke mana-mana seminar/kursus di atas)
 - v. Kelulusan pembaharuan lesen MM2H adalah bagi tempoh **1 tahun** sahaja.
- 2) **Dokumen yang diperlukan** :
 - i. Borang 5 (Peraturan 9) sebanyak 2 salinan atau permohonan melalui atas talian di www.spip.gov.my
 - ii. **Salinan Sijil** Kursus Travel & Tours Enhancement Course (TTEC) atau yang berkaitan.
 - iii. Salinan Borang 13
 - iv. Salinan Borang 24
 - v. Salinan Borang 32A
 - vi. Salinan Borang 49
 - vii. Salinan Laporan Kewangan Beraudit Terkini

} Sekiranya syarikat ada melakukan perubahan struktur syarikat
- 3) Kemukakan ke Bahagian Pelesenan Pelancongan, Kementerian Pelancongan atau Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL) Negeri.
- 4) Permohonan pembaharuan secara atas talian mengkehendaki semua dokumen yang diperlukan **dimuatnaik** ke dalam sistem. Sekiranya mempunyai masalah, sila hadir ke Bahagian Pelesenan Pelancongan, Kementerian Pelancongan atau Pejabat KPL Negeri berkaitan untuk bantuan.
- 5) **Fi proses** : **RM20 bagi setiap permohonan** dalam bentuk bank draf / Kiriman Wang / Wang Pos/ melalui CIMBclicks atas nama *Pesuruhjaya Pelancongan*.
- 6) **Piagam Pelanggan** : **5 hari berkerja (Manual) / 3 hari bekerja (SPIP)** dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 7) Syarat-syarat kelulusan pembaharuan lesen:

BIL	PERKARA	KELULUSAN
1.	- Borang permohonan pembaharuan lengkap - Laporan Kewangan Beraudit terkini - Menjelaskan semua kompaun (jika ada) - Sekurang-kurangnya 10 *kelulusan permohonan peserta MM2H dengan mengemukakan Surat Kelulusan Bersyarat daripada Jabatan Imigresen Malaysia (Sabah & Sarawak sahaja). (*kelulusan adalah berdasarkan kepada pemohon utama (principal) dan tidak termasuk tanggungan (dependents)) - Salinan Sijil Kursus Travel & Tours Enhancement Course (TTEC) atau yang berkaitan.	1 tahun

- 8) **Fi lesen** pembaharuan lesen MM2H bagi 1 tahun adalah **RM125**.
- 9) Sekiranya syarikat **gagal** mengemukakan pembaharuan dalam tempoh **60 hari sebelum tarikh lesen tamat**, syarikat dikehendaki **memulangkan lesen perniagaan pengendalian pelancongan dalam tempoh empat belas (14) hari berikutnya**. Lesen syarikat adalah **tidak sah** selepas tarikh lesen tamat.